

15/05/2003

Kesedaran di sebalik Maulidur Rasul

SEDANG masyarakat Islam giat menyambut Maulidur Rasul sepanjang Rabiulawal

ini kita perlu menilai diri serta bertanya apakah kita sudah benar-benar memahami, mengamal dan menghayati ajaran Nabi Muhamad sedang dunia Islam kini dilanda cabaran paling genting. Ini memandangkan sebagaimana kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, umat Islam sebenarnya boleh maju setanding

bangsa lain, bahkan lebih maju jika mereka gigih mengamalkan ajaran Islam

dituntut Al-Quran dan Hadis dibawa oleh Rasullulah. Malah dengan penghayatan Islam yang betul dan bersungguh-sungguh sajalah umatnya akan lebih insaf memenuhi kehendak agama, lebih gigih berusaha, rajin menimba ilmu kemahiran selain meningkatkan ketahanan diri, kata Perdana Menteri.

Kita juga perlu sedar bahawa selepas Rasullulah wafat 14 abad lalu, dunia Islam kini semakin berpecah belah hingga menyebabkan banyak negara Islam dieksplotasi oleh musuh selain ditakluki kuasa asing yang ingin memusnahkan agama kita. Tidak syak lagi tanpa perpaduan, ilmu dan kepakaran, amat sukar bagi umat dan dunia Islam amnya bersaing dalam era teknologi maklumat dan menghadapi ancaman kuasa yang mempertikaikan asas ajaran Islam. Hendaknya di tengah-tengah keghairahan merayakan sambutan Maulud ini kesedaran perlunya kita mendalami lagi al-Quran semakin ditingkatkan. Ini bagi memudahkan kita menterjemahkan ajaran agama sesuai

dengan matlamat itu serta tuntutan masa dan keadaan yang semakin mencabar

kini seperti mana dikehendaki Nabi Muhamad. Cara ini secara langsung akan

dapat mengangkat martabat Islam.